

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk pembangunan belia melalui sukan di Sarawak dan apakah program-program yang ada untuk negeri Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan Agenda kerajaan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB), Kementerian akan memberikan penekanan khusus bagi membangunkan infra sukan, program sukan dan belia bagi pembangunan belia di luar bandar khususnya di negeri Sarawak dan Sabah. Pada tahun hadapan, RM100 juta diperuntukkan untuk pembangunan infra sukan kecil tetapi berimpak tinggi yang akan tertumpu di kawasan luar bandar dan fokusnya akan diberikan kepada negeri Sarawak dan Sabah.

2. Pada masa yang sama, belanjawan 2020 melibatkan penambahan peruntukan penyelenggaraan yang juga akan ditumpukan kepada negeri Sarawak, yang mana terdapat banyak infra sukan yang telah siap dibina tetapi berada dalam keadaan uzur.

SOALAN NO : 12

3. Selain itu, di bawah program TVET, melalui Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Miri, di Sarawak yang menunjukkan kajian kebolehpasaran graduan pada tahap yang memberangsangkan iaitu 92.3%. IKBN Miri bukan sahaja fokus kepada anak muda jurusan TVET tetapi juga membuka ruang kepada belia berisiko. Pada tahun ini Kementerian telah memulakan Program *MyFuture Youth Plus* di IKBN Miri turut memberikan peluang kepada golongan belia minoriti dan belia berisiko menerusi kursus jangka masa pendek yang ditawarkan supaya kebolehpasaran mereka dapat ditingkatkan sekaligus mengelakkan anak muda terdedah kepada gejala sosial.

4. Bagi program sedia ada kementerian seperti Felo Perdana dan Parlimen Belia yang telah diasaskan sebelum ini, kementerian telah menambahkan kuota untuk golongan B40 serta kuota secukupnya untuk negeri Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini juga terpakai bagi program Felo Korporat melibatkan anak-anak muda yang terpilih diletakkan di bawah bimbingan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan *Chairman* bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat gergasi di Malaysia.

5. Dalam bidang sukan atau sukan massa, Kementerian telah melaksanakan Bulan Sukan Negara selama sebulan, iaitu sepanjang Oktober 2019, melibatkan program-program yang telah dijalankan di seluruh negeri Sarawak.

6. Bagi tahun hadapan, Kementerian, apabila diberikan peruntukan tambahan iaitu daripada 15 juta kepada 45 juta bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara Malaysia (NFDP), tumpuannya juga akan diberikan kepada pembangunan akar umbi satelit di negeri Sarawak dan Sabah yang sebelum ini tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Perkara yang sama juga akan dilakukan apabila penambahan belanjawan untuk bajet e-sukan daripada RM10 juta kepada RM20 juta yang akan dimanfaatkan sepenuhnya supaya pembangunan sukan dan belia tidak sahaja tertumpu di kawasan bandar dan kawasan Lembah Klang, tetapi juga akan diagihkan seadil mungkin. Sekian, terima kasih.